

02 OCT 1998

Mahathir-Moral

MASYARAKAT AKAN MUSNAH KALAU TIDAK BERMORAL, KATA DR MAHATHIR

ALOR SETAR, 2 Okt (Bernama) -- Masyarakat akan musnah kalau menerapkan nilai-nilai tidak bermoral dalam masa ia mengejar kemajuan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Walaupun masyarakat berpengetahuan tinggi tetapi kalau moralnya tidak tinggi maka rosaklah masyarakat itu," kata Perdana Menteri.

Masyarakat Barat beranggapan mereka boleh membuat apa sahaja mengikut sesuka hati tanpa ada had batasan kononnya kerana mementingkan kebebasan, kata beliau pada Majlis Anugerah Iskandar dan Perasmian Makmal Komputer di Kolej Sultan Abdul Hamid, sekolah lamanya.

"Kita tidak akan dapat mengejar (kemajuan) mereka jika kita berbuat demikian," katanya.

Beliau berkata walaupun Malaysia kini menghadapi cabaran ekonomi tetapi beliau yakin ia boleh diatasi untuk mencapai hasrat menjadi negara maju menjelang tahun 2020.

Perdana Menteri berkata para pelajar harus bersyukur kerana dapat peluang belajar berbanding dengan keadaan sebelum Merdeka dengan peluang sedemikian terhad.

Mereka juga terhutang budi kepada masyarakat yang saling membantu menyempurnakan hidup mereka dengan menyediakan pelbagai keperluan mereka termasuk pakaian.

"Cara kita bersyukur ialah dengan memberi sumbangan balik kepada masyarakat," katanya.

Pada majlis itu, Dr Mahathir menyampaikan Anugerah Iskandar kepada Mohamed Sani Abu Hassan, pelajar Tingkatan Enam Atas (Sastera) kerana kecemerlangan keseluruhannya dalam bidang kepimpinan.

Anugerah itu dinamakan bersempena nama pengetua pertama kolej itu, Mohamad Iskandar, iaitu bapa kepada Dr Mahathir.

Mohamad menjadi pengetua di kolej itu dari tahun 1908 hingga 1910.

Dr Mahathir pula belajar di kolej itu sehingga tamat pengajian Senior Cambridge.

Pelajar-pelajar lepasan kolej itu termasuk Perdana Menteri pertama Tunku Abdul Rahman Putra dan bekas Wakil Tetap Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Tan Sri Razali Ismail.

"Saya gembira dapat datang ke majlis ini kerana sudah sekian lama tidak datang ke sekolah ini," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata kini terdapat banyak perubahan dari segi sekolah, kelengkapan dan penuntut serta bahasa pengantarnya.

Selepas menyampaikan anugerah itu, Dr Mahathir merasmikan makmal komputer kolej itu.

Anak Dr Mahathir, Mirzan, juga bekas pelajar kolej itu, menyumbangkan 80 buah komputer serta pengubahsuaian makmal itu.

Perdana Menteri kemudian melancarkan "homepage" kolej itu.

"This is a very good facility and I am sure it will be used by students at this college to enhance their knowledge," Dr Mahathir menaip di dalam buku pelawat di "homepage" itu. (Ini kemudahan yang sangat baik dan saya yakin ia akan digunakan oleh para pelajar kolej ini untuk meningkatkan pengetahuan.)

Beliau juga melawat perpustakaan kolej itu serta bersalaman dengan para pelajar.

Turut hadir ialah isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali dan Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid.

-- BERNAMA
JM NMO